

16/05/2003

`Pastikan belia di landasan betul'

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Pendekatan yang digunakan bagi menarik minat golongan belia menyertai kegiatan membabitkan mereka perlu relevan dan menepati kemahuan generasi itu.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein, berkata sebahagian besar golongan belia di negara ini komited terhadap agenda membentuk generasi muda yang berwawasan dan berdaya maju, seiring kedudukan mereka sebagai pemimpin pelapis masa akan datang.

Katanya, cadangan Majlis Belia Malaysia (MBM) supaya pendekatan berbeza digunakan terhadap belia berdasarkan kumpulan usia dan kecenderungan terhadap bidang yang diminati, perlu dipandang serius serta diberi pertimbangan wajar untuk dilaksanakan.

"Memang ada segelintir anak muda yang bermasalah tetapi ia bukan bermakna keseluruhan pergerakan belia di Malaysia turut dirundung masalah kerana jika itu keadaannya, kita tidak akan mencatat kejayaan seperti sekarang.

"Malah, untuk mengendalikan majlis ini (Perhimpunan Hari Belia) pun mungkin tak boleh. Komitmen dan tenaga yang dicurahkan oleh anak muda kita bukan dibuat-buat... mereka memang komited dengan tanggungjawab yang diberi.

"Pendekatan yang diambil mesti relevan terhadap golongan sasar belia yang berbeza kerana dengan cara itu, mereka akan selesa kerana segala kegiatan yang dirancang bersesuaian dengan minat dan peringkat usia," katanya pada sidang media selepas perasmian Perhimpunan Hari Belia Negara 2003 di Stadium Putra, Kompleks Sukan Bukit Jalil di sini, semalam.

Majlis perasmian sambutan bertemakan `Menjana Kecemerlangan Bangsa' itu disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Hishammuddin berkata, kerajaan akan sentiasa bekerjasama dengan MBM dan pertubuhan belia lain dalam memberi bimbingan kepada generasi muda supaya mereka terus berada di landasan yang betul.

Golongan belia pelbagai kaum juga, katanya, perlu dibabitkan secara langsung dalam pelaksanaan Program Khidmat Negara yang akan dimulakan tahun depan bagi memastikan segala perancangan berjalan lancar.

Terdahulu ketika berucap, Hishammuddin berkata konsep mengikut cita rasa belia dalam menyediakan aktiviti selain memberi ruang kepada golongan itu menyuarakan pandangan, membuktikan iltizam kerajaan terhadap pembangunan belia.

"Begitupun, belia perlu sentiasa melengkapkan diri dengan ilmu dan nilai murni serta jatidiri kukuh supaya mereka tidak ketinggalan dalam arus perubahan yang mendatang.

"Belia sebagai tunjang pembangunan negara perlu memastikan segala apa yang kita kecapai termasuk keharmonian, perpaduan, keamanan dan kemajuan dapat terus dinikmati oleh generasi akan datang," katanya.

Sementara itu, Presiden MBM, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo, berkata golongan belia perlu mengambil iktibar daripada nasib malang dan kesukaran hidup yang melanda rakan seangkatan mereka di negara yang dilanda konflik peperangan seperti Iraq dan Palestin.

"Pengajaran paling penting ialah bagi kita mengekalkan perpaduan dan menguasai ilmu pengetahuan sebagai bekalan masa depan.

"Kita berjanji, golongan belia hari ini akan meneruskan perjuangan Dr Mahathir dalam meningkatkan martabat dan maruah negara," katanya.